

CBT: Bekas pekerja kedai 24 jam dipenjara dan sebat

KUCHING: Seorang bekas pekerja kedai serbaneka 24 jam dipenjara setahun dan sebulan, selain dikenakan satu sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana melakukan pecah amanah jenayah (CBT) membabitkan RM9,730 pada Ogos tahun lalu.

Hakim Iris Awen Jon menjatuhkan hukuman itu terhadap Muhammad Nur Hanif Murad, 24, selepas dia menukar pengakuannya kepada bersalah dalam prosiding semalam, mengikut pertuduhan di bawah Seksyen 408 Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang setahun dan tidak melebihi 14 tahun dan sebatan dan boleh didenda, jika sabit kesalahan.

Tertuduh melakukan kesalahan itu di sebuah kedai serbaneka 24 jam di Bazar Batu 3, Jalan Rock sekitar jam 10 malam pada 24 Ogos 2025 dan sekitar jam 6 pagi pada 25 Ogos 2025.

Fakta kes mendedahkan pengurus kedai (pengadu) dimaklumkan oleh salah seorang kru kedai bahawa deposit wang tunai jualan berkurangan, dengan kejadian itu berlaku semasa tertuduh bertugas.

Siasatan mendapati kehilangan melibatkan 47 keping kupon tambah nilai bernilai RM200 setiap satu (RM9,400), dua keping kupon bernilai RM100 (RM200), satu keping kupon



TUKAR PENGAKUAN: Tertuduh (kanan) bersama ahli keluarganya ketika berada di lobi kompleks Mahkamah Kuching, semalam.

bernilai RM50, satu keping kupon bernilai RM30 serta wang tunai RM50.

Jumlah keseluruhan kerugian yang dialami premis itu ialah RM9,730.

Susulan itu, laporan polis dibuat dan tertuduh ditangkap pada 27 Ogos 2025.

Hasil siasatan mendapati laporan audit mengesahkan berlaku kekurangan wang dan kupon bernilai RM9,730 di premis berkenaan, manakala semakan rekod serta sistem jualan mendapati kupon terbabit telah diambil tanpa pembayaran.

Pada masa kejadian, tertuduh yang bekerja sebagai juruwang serta kru stor ber-

tanggungjawab menguruskan urusan kewangan premis, termasuk mengendalikan transaksi serta mengeluarkan kupon tambah nilai kepada pelanggan.

Ketika kejadian juga, tertuduh merupakan satu-satunya pekerja yang bertugas di premis berkenaan.

Rakaman kamera litar tertutup turut membuktikan bahawa tertuduh berada dan bertugas di premis berkenaan sepanjang tempoh kejadian berlaku.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Chuah Kai Sheng sementara tertuduh tidak diwakili peguam.